



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1/8/2012

# ECER tarik pelaburan RM32.7b

um - 1/8/2012

**KUALA LUMPUR** 31 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menarik pelaburan lebih RM32.7 bilion sejak 2007 sehingga akhir Jun tahun ini, di mana RM12 bilion telah dicatatkan dalam tempoh enam bulan pertama 2012.

Perdana Menteri berkata, antara Januari dan Jun tahun ini, kelompok pelancongan ECER telah menarik jumlah pelaburan tertinggi iaitu kira-kira 55 peratus, diikuti oleh kelompok pembuatan (31 peratus), kelompok pertanian (8.0 peratus), kelompok pendidikan (5.0 peratus) dan sektor perkhidmatan (hampir 1.0 peratus).

"Kesemua projek ini dijangka dilaksanakan pada tahun ini," katanya di dalam dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat majlis kedua Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) tahun ini di sini hari ini.

"Daripada jumlah pelaburan RM32.7 bilion yang telah berjaya ditarik masuk ke ECER sejak 2007, kira-kira RM21.9 bilion telah pun diterima dan mewujudkan hampir 30,000 peluang pekerjaan di samping menyumbang RM7 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK)," Najib.

Beliau juga Pengerusi ECERDC. Katanya lonjakan dalam pelaburan tersebut disokong oleh peningkatan infrastruktur yang dilaksanakan secara progresif di ECER serta usaha-usaha promosi pelaburan yang giat dijalankan oleh ECERDC dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata ECER kini berada pada kedudukan yang kukuh dan



**NAJIB Tun Razak** ketika mempengerusikan mesyuarat Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut sama Ketua Pegawai Eksekutif ECER, Datuk Jebasingam Issace John (depan, kanan). - BERNAMA

berupaya menarik kedatangan para pelabur yang berkualiti dari pelbagai jenis industri, termasuklah para pengiat industri bertaraf dunia dari sektor bioteknologi.

"Ini adalah bukti jelas bahawa usaha Kerajaan untuk menjadikan ECER sebuah wilayah maju menjelang tahun 2020 sudah mula membuahkan hasil.

"ECER kini sedang mengorak langkah ke arah merapatkan jurang pembangunan yang wujud antara wilayah pantai timur dan pantai barat dan ia telah berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah destinasi pelaburan yang unggul, dinamik dan kompetitif di peringkat global," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, kesemua perkembangan itu sememangnya memberi kesan positif kepada ECER, terutamanya bagi penduduk Wilayah ini yang kini me-

nikmati lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan yang dijana oleh kesemua pelaburan tersebut.

Antara pelaburan yang telah dicatatkan antara bulan Januari dan Jun tahun ini adalah pengumuman oleh Gevo Inc. dari Amerika Syarikat untuk membina sebuah loji bioisobutanol pertama di dunia yang menggunakan bahan mentah biojisim bernilai RM1.65 bilion di Taman BioPolimer Kertih (KBP), Terengganu.

Gevo akan mengikut jejak langkah CJ Arkema, sebuah syarikat usahasama antara CJ Cheiljedang Corporation dari Korea Selatan dan Arkema SA dari Perancis, yang akan melabur RM2 bilion untuk membangunkan sebuah loji bio-metionina yang pertama di dunia di KBP.

Kini, ECERDC telah menyiap-

kan kerja-kerja infrastruktur di tapak kemudahan bio-metionina CJ Arkema di KBP dan pembinaan loji tersebut dijangka bermula pada suku ketiga 2012.

Pengumuman Gevo itu merupakan salah satu hasil susulan daripada pemeteraian dokumen kerjasama strategik antara Kerajaan Terengganu, ECERDC dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) untuk membangunkan kawasan seluas 1,000 hektar di KBP untuk pembinaan kompleks biopenapisan yang terbesar di Asia.

Kompleks biopenapisan yang terletak di KBP itu merupakan satu mercu tanda utama kerana ia merupakan yang pertama semampainya di Malaysia yang menggunakan bahan mentah selulosa untuk menghasilkan produk terbitan bio seperti karbohidrat lanjutan, biokimia, bioba-

han, biobaja dan ramuan suapan aktif.

Kompleks biopenapisan ini dijangka menarik pelaburan RM7 bilion dan keseluruhan projek itu dijangka menjana PNK terkumpul RM20.4 bilion menjelang 2020 di samping membuka 2,500 peluang pekerjaan "hijau" di Malaysia.

Sebagai tambahan, Najib berkata Kelantan telah menerima satu rangsangan pembangunan utama dengan cadangan pelaksanaan projek Pelabuhan Bersepadu Tok Bali.

Projek itu akan dibangunkan oleh East Coast Terminal Sdn Bhd dengan pelaburan keseluruhan RM4.5 bilion, yang akan mentransformasi Tok Bali untuk menjadi hub logistik bagi industri sektor berasaskan ikan, pelancongan dan minyak dan gas, katanya.

- BERNAMA